



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI PAHANG**

Tingkat 1, Wisma Persekutuan  
25594 KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR  
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000  
Faks : 609-516 4931

Laman Web : <http://www.anm.gov.my/index.php/utama-pahang>

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.4 (27)

Tarikh : 13 September 2024

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab  
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**EDARAN SURAT PEKELILING AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (SPANM) BIL.4 TAHUN 2024  
– TATACARA PENETAPAN KUASA DAN TUGAS PEGAWAI PENGAWAL KEPADA PEGAWAI  
PERAKAUNAN DI BAWAH KAWALANNYA [AP11]**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan surat BKP, JANM rujukan JANM.600-20/2/3 (14) bertarikh 4 September 2024 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah mengemaskini Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 4 Tahun 2024 –Tatacara Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya [AP11] selaras dengan ketetapan Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023) serta pindaan terkini AP11, AP100, AP101 dan AP102 yang berkuat kuasa pada 17 Julai 2024. SPANM Bil.4 Tahun 2024 ini berkuat kuasa mulai 2 September 2024 dan boleh diakses serta dimuat turun melalui Portal JANM.

3. Dengan berkuat kuasanya surat pekeliling ini, SPANM Bil. 6 Tahun 2018 rujukan ANM (T) 81/10/6/10(46) bertarikh 24 Oktober 2018 berkaitan Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya (AP11) adalah **DIBATALKAN**. Walau bagaimanapun, Jadual Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan sebagaimana format SPANM Bil. 6 Tahun 2018 masih boleh digunapakai. Sekiranya berlaku pertukaran Pegawai Pengawal atau perubahan perjawatan di Kementerian/Jabatan, Jadual Penetapan Kuasa dan Tugas Pegawai Pengawal kepada Pegawai Perakaunan yang baharu hendaklah disediakan menggunakan format baharu selaras dengan SPANM Bil. 4 Tahun 2024.

4. Justeru, bersama-sama ini dikemukakan **SPANM Bil.4 Tahun 2024 –Tatacara Penetapan Kuasa Dan Tugas Pegawai Pengawal Kepada Pegawai Perakaunan Di Bawah Kawalannya [AP11]** untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan selanjutnya jua.

Sekian, terima kasih.

**"MALAYSIA MADANI"**  
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(FREDRICK GUPONG ANAK TAWAN C.A. (M), ACMA, CGMA)**  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pahang